

PROMOSI PULANGAN TUNAI SERTA-MERTA JOMPAY HLB CONNECT

(English Version)

Kemaskini terakhir 7 Mei 2026

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Pulangan Tunai Serta-Merta JomPAY HLB Connect (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (19340100023 (97141-X)) (**“HLB”**) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (**“HLISB”**) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai **“Bank”**”) bermula pada 1 Jun 2026 dan berakhir pada 31 Julai 2026 (**“Tempoh Promosi”**), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (**“T&S”**):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu yang merupakan pengguna HLB Connect (**“HLB Connect”**) dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (**“CASA/CASA-i”**), Akaun HLB Meezani-i dengan Bank dan/atau Kad Kredit HLB (**“Kad Kredit”**) dengan HLB (selepas ini dirujuk sebagai **“Pelanggan”**).
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
 - (i) pernah melakukan, atau pihak Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pelanggan telah melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i, Akaun HLB Meezani-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect (**“Terma dan Syarat yang Terpakai”**) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
 - (a) **Untuk Pelanggan yang belum mendaftar untuk HLB Connect sebelum Tempoh Promosi:** Daftar untuk HLB Connect dan melakukan transaksi JomPAY melalui HLB Connect (hanya terpakai kepada pengguna baharu HLB Connect);
ATAU

- (b) **Untuk Pelanggan HLB Connect yang sedia ada:** Log masuk HLB Connect, melakukan transaksi JomPAY melalui HLB Connect (hanya terpakai kepada pengguna sedia ada HLB Connect)

(Pelanggan yang telah memenuhi SEMUA syarat yang dinyatakan di bawah Klausa 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**").

4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang dinyatakan di bawah Klausa 3 akan berpeluang untuk memenangi pulangan tunai serta-merta ("**Pulangan Tunai Serta-Merta**") seperti yang ditunjukkan di Jadual 1

Jadual 1: Pulangan Serta-Merta JomPAY

Minggu Promosi	Segmen Pulangan Tunai	Kaedah Pemilihan Pemenang	Peruntukan Mingguan
Minggu 1: 1 – 7 Jun 2026	JomPAY: RM0.10 Pulangan Tunai Serta-Merta	<ul style="list-style-type: none"> Setiap Pelanggan yang Layak boleh memperoleh Pulangan Tunai Serta-Merta bernilai RM0.10 untuk setiap transaksi JomPAY dengan minimum RM10 menggunakan CASA/CASA-i, Akaun HLB Meezani-i, atau Kad Kredit melalui HLB Connect App. Pulangan Tunai Serta-Merta dihadkan kepada RM0.50 setiap minggu sepanjang Tempoh Promosi. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan yang Layak boleh memperoleh Pulangan Tunai Serta-Merta sehingga RM4.50 sepanjang Tempoh Promosi dan Pulangan Tunai Serta Merta akan diberikan atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada Pulangan Tunai Mingguan yang diperuntukkan. 	RM9,500
Minggu 2: 8 – 14 Jun 2026			RM9,500
Minggu 3: 15 – 21 Jun 2026			RM9,500
Minggu 4: 22 – 28 Jun 2026			RM9,500
Minggu 5: 29 Jun – 5 Julai 2026			RM9,500
Minggu 6: 6 – 12 Julai 2026			RM9,500
Minggu 7: 13 – 19 Julai 2026			RM9,500
Minggu 8: 20 – 26 Julai 2026			RM9,500
Minggu 9: 27 – 31 Julai 2026			RM9,000

PENGUMUMAN DAN PEMENUHAN PEMENANG

5. Pulangan Tunai Serta-Merta akan dikreditkan ke dalam akaun pemenang CASA/CASA-i, Akaun HLB Meezani-i dan/atau Kad Kredit dengan HLB ("**Pemenang Pulangan Tunai Serta-Merta**") secara serta-merta selepas transaksi berjaya.

6. Pemenang Pulangan Tunai Serta-Merta akan dimaklumkan tentang kemenangan mereka melalui skrin transaksi yang dipaparkan di dalam HLB Connect App selepas berjaya melakukan setiap transaksi JomPAY.
7. Setelah jumlah Peruntukan Pulangan Tunai Mingguan mencapai had, tiada lagi Pulangan Tunai Serta-Merta akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak bagi baki jam atau hari dalam minggu tersebut. Pihak Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak apabila had maksimum Peruntukan Pulangan Tunai Mingguan telah dicapai.
8. Pulangan Tunai Serta-Merta tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.
9. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Pulangan Wang Tunai Serta-Merta disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.

AM

10. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
 - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah dan pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad, akhir dan mengikat;
 - (iii) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nombor telefon dan alamat emel kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh pihak Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS atau e-mel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
 - (iv) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel secara segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Kecuali bagi kerugian atau kerosakan yang timbul secara langsung akibat kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh Bank, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, atau SMS dan/atau e-mel tidak sampai, jika berkenaan, disebabkan oleh nombor mudah alih dan alamat e-mel yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah atau SMS, e-mel tidak dapat disampaikan atas apa juga sebab;
 - (v) bersetuju untuk menyemak laman web Promosi (<http://www.hlb.com.my/connectjompay>) ("**Laman Web Promosi**") dengan kerap untuk melihat T&S kepada Promosi dan untuk terus mengikuti perubahan atau variasi kepada T&S.
 - (vi) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang

Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telefon mudah alih/penyedia perkhidmatan rangkaian internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai kawalan terhadap kejadian di luar kawalan munasabah, seperti:

- (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau;
- (b) sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.

(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").

Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat daripada sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang penghantaran SMS dan/atau emel daripada Bank dan sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Sebarang rayuan yang disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian yang berada di luar kawalan munasabah tidak akan diproses.

- (vii) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
- (viii) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

11. Bank berhak:

- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;
- (ii) membatalkan Pulangan Wang Tunai Serta-Merta yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
- (iii) untuk menarik balik Pulangan Wang Tunai Serta-Merta sekiranya terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.

12. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.

13. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.

14. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
15. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit ([rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Akaun HLB Meezani-i tidak dilindungi oleh PIDM.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.